

MODUL PENDIDIKAN ISLAM



HINDARI AJARAN SESAT

HARI : _____
TARIKH: _____

Pilih aspek yang betul bagi ciri-ciri ajaran sesat di bawah dengan menggunakan kod yang diberikan.

- AQH** – ASPEK AL-QURAN DAN HADIS
AKI – ASPEK AKIDAH
IBD – ASPEK IBADAT
AKH – ASPEK AKHLAK

Bil	Ciri-Ciri Ajaran Sesat	Aspek
1	Mengaku menjadi Rasul atau Nabi.	
2	Hanya berpegang dengan al-Quran dan menolak Hadis.	
3	Beribadat dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat.	
4	Bersikap taksub dengan ajaran guru sehingga menganggap hanya kumpulannya yang benar.	
5	Mendakwa gurunya dapat menebus dosa.	
6	Memansuh atau mengubah al-Quran dan Hadis.	
7	Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga.	
8	Menolak kewajipan ibadat fardu.	
9	Mendakwa roh orang mati mampu menjelma ke dalam jasad yang hidup.	
10	Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata.	
11	Memperkecil amalan masyarakat berdasarkan Sunnah Rasulullah sehingga berbangga dengan amalan yang bertentangan syariat Islam.	
12	Menunaikan ibadat haji di tempat yang dianggap suci selain Mekah.	
13	Mengejek, merendah-rendahkan dan mempersendakan sahabat Nabi.	
14	Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan.	
15	Menghalalkan perzinaan atas nama nikah.	
16	Solat hanya dengan menggunakan niat.	
17	Mendakwa menerima wahyu.	
18	Mendakwa diri atau gurunya sebagai imam al-Mahdi.	
19	Menolak alam ghaib seperti roh, malaikat dan jin.	
20	Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi.	